

► NUR FATHIN AWALLUDIN

nfathin@sph.com.sg

‘Budak flat sewa’ kini di Uni, sumbang kepada masyarakat

KEPERITAN kemiskinan tidak pernah terlepas menggigitnya sejak beliau kecil lagi.

Sering beliau tidak dapat pergi ke sekolah rendahnya meskipun sudah bangun awal pagi kerana “ibu cakap tak ada duit untuk naik bas”.

Meskipun kecewa mendengar alasan tersebut, Encik Faizul Helmi Hasnol reda kerana memahami masalah yang dihadapi keluarganya.

Menceritakan kepahitan hidup yang dilaluinya, jejaka berusia 23 tahun itu berkata:

“Sejak saya kecil, keluarga saya menghadapi masalah kewangan. Ada hari kami tak ada duit nak pergi ke sekolah.”

Ketika usianya 12 tahun, Encik Faizul kehilangan ibunya akibat barah buah dada.

Sejak itu, beliau enam beradik hidup merempat, berpindah-randah dari rumah saudara-mara, sahabathandai hingga ke rumah sewa sementara.

Ketika di menengah empat pula, disebabkan gejolak keluarga dan masalah peribadi yang perlu diatasinya, anak kelima daripada enam beradik itu tidak hadir di sekolah selama lebih seminggu.

Mendapati ada sesuatu yang tidak kena, guru Bahasa Inggeris Encik Faizul mendekatinya dan mendengar keluhan anak muridnya itu.

“Beliau tanya saya kenapa saya tak pergi sekolah sebab padanya pelik, di sekolah saya budak baik dan tak ada alasan saya tak ke sekolah.

“Jadi, saya berterus terang dengannya dan beritahu beliau ten-



SUMBANG KEMBALI KEPADA MASYARAKAT: Encik Faizul Helmi Hasnol melakukan kerja sukarela di kawasan flat sewa di North Bridge Road kerana mahu memberi balik kepada masyarakat. Beliau sendiri menetap di rumah sewa di Yishun. – Foto BM oleh SONG TAO

tang masalah saya di rumah dan mengapa saya tak ada motivasi pergi ke sekolah,” kongsi Encik Faizul.

Sejak itu, guru tersebut membantunya dengan memberi beliau duit jajan serta duit tambang bagi ulang-alik ke sekolah.

Melahirkan rasa syukur di atas kehadiran insan seperti gurunya

itu, Encik Faizul berkata beliau sangat beruntung kerana sentiasa mempunyai sistem sokongan yang utuh di sekelilingnya.

Kini menuntut di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) dalam jurusan pemasaran, beliau berkata keluarganya sentiasa mementingkan pendidikan.

“Adik-beradik saya selalu cabar antara satu sama lain siapa yang dapat markah PSLE dan peperiksaan GCE Peringkat ‘O’ yang lebih baik, dari itu saya tahu betapa pentingnya pendidikan.

“Walaupun kami ada banyak masalah di rumah, kami tetap pergi sekolah dan tetap lakukan yang ter-

baik bagi masa hadapan kami... kerana kami tahu pendidikan adalah satu cara keluar daripada kepompong kemiskinan kami,” ujar Encik Faizul.

Pemuda berhati mulia itu yang kini menetap di rumah sewa di Yishun bersama bapa dan adik perempuannya memberi balik kepada masyarakat dengan melakukan kerja sukarela di flat-flat sewa di sekitar North Bridge Road.

Di bawah projek ‘Kampung North Bridge’ itu, yang turut melibatkan Beyond Social Services, sebuah badan tidak meraih keuntungan setempat, Encik Faizul dan kumpulanannya mendekati dan menolong keluarga-keluarga yang tinggal di rumah sewa di kawasan tersebut.

“Motivasi saya melakukan kerja sukarela ialah kerana sepanjang hidup saya, dengan saya perlukan bantuan daripada pemerintah, kawan-kawan atau keluarga, saya telah mendapat bantuan tersebut.

“Jadi, sekarang saya ambil peluang setelah saya dapat bantuan, saya pula hulurkan bantuan semula,” ujarinya yang sangat menggalakkan orang ramai agar memberi balik kepada masyarakat.

Kini, sambil menuntut di SUSS, Encik Faizul turut bekerja separuh masa di sebuah restoran di samping melakukan perniagaan dalam taliannya, menjual kek di Instagram @bae.kins untuk menampung kehidupan hariannya.

Pada masa hadapan, anak muda penuh berpotensi itu ingin melanjutkan pendidikannya ke peringkat sarjana dan bercita-cita menjadi penganalisis perniagaan kelak.